

12/05/2000

Jurang generasi perlu dirapatkan

JURANG perbezaan antara golongan muda Melayu yang lahir sebelum merdeka dan masyarakat umum lain perlu dirapatkan bagi memastikan mereka dapat menghayati perjuangan Umno dan berterima kasih dengan kesenangan yang dikecapi kini.

Wakil Pahang, Mohd Shakar Shamsuddin, berkata penstrukturan semula strategi parti untuk mendekati masyarakat dengan memahami keperluan dan kehendak semasa orang Melayu perlu dilaksanakan segera.

"Kealpaan Umno dalam hal ini terserlah apabila golongan muda menjadi sasaran hasutan dan dakyah pembangkang, khususnya Pas dan Keadilan, ketika pilihan raya umum November lalu.

"Pembangkang juga menggunakan isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi kepentingan politik peribadi parti dengan menjadikan golongan muda sebagai mangsa," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Mentakab, mengingatkan pemimpin Umno bahawa sasaran Pas menjadikan pilihan raya umum 2004 sebagai misi menawan Pahang mungkin menjadi kenyataan jika tindakan proaktif tidak diambil segera bagi menangkis serangan itu.

Kataya, teras kekuatan Umno hanya akan kekal kukuh jika perjuangan pucuk pimpinan mengutamakan kemajuan bangsa, agama dan negara mengatasi segala-galanya tanpa terjebak dalam perangkap politik wang.

"Tindakan memastikan bangsa Melayu kekal berdaya saing di bumi sendiri dengan pengagihan kek ekonomi mengikut Dasar Ekonomi Baru (DEB) perlu diimbangi dengan penekanan terhadap pemahaman generasi muda.

"Bagi memastikan agenda pembangunan kerajaan yang diterajui Umno difahami sepenuhnya oleh golongan ini, anggota Majlis Tertinggi (MT) perlu mendekati mereka dengan lebih kerap di peringkat akar umbi," katanya.

Beliau turut menamakan lima golongan sasar iaitu pelajar institusi pengajian tinggi swasta dan awam, kelompok intelektual, golongan profesional, ulama serta anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, golongan itu merangkumi 20 peratus daripada jumlah pengundi keseluruhan yang layak mengundi pada pilihan raya umum tahun 2004 nanti dan mereka perlu menghayati perjuangan Umno jika tradisi kemenangan majoriti tiga perempat parti itu hendak dikekalkan.

Kata Shakar, golongan itu terkeliru seketika apabila Anwar ditahan, lebih-lebih lagi apabila kes keacunan dan isu Anwar ditumbuk diperbesarkan pembangkang, khususnya Pas, yang turut meyebarkan pelbagai tohmah mengenai presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, rakyat marah kepada Umno kerana keliru dengan tohmahan pembangkang, terutama generasi muda yang terpinggir akibat jurang perbezaan umur dengan pucuk pimpinan dan ia dieksploitasi pembangkang.

Mahkamah turut disalah guna oleh peguam Anwar sebagai pentas politik peribadi untuk manfaat media asing yang mengambil peluang menghentam kerajaan, khususnya Dr Mahathir.

Malah, kata Shakar, usaha cuba menjadikan Dr Mahathir sebagai hostile witness dalam perbicaraan Anwar baru-baru ini juga adalah strategi politik pembangkang bagi menghentam kerajaan.

(END)